

Kongesi paru-paru punca Dr. Mahathir sesak nafas

UUM - 18/5/2007
KUALA LUMPUR 17 Mei - Kongesi paru-paru yang dikaitkan dengan miokardial infarksi menyebabkan Tun Dr. Mahathir Mohamad menghadapi masalah sesak nafas, kata perunding kardiologi, Datuk Dr. Nasir Muda.

Beliau juga mengalami masalah basal bronkitis yang teruk pada paru-paru, kata Dr. Nasir, yang merawat bekas perdana menteri berusia 81 tahun itu, dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Institut Jantung Negara (IJN) di sini, tempat Dr. Mahathir dirawat sejak Selasa.

Dr. Mahathir sebelum itu dirawat di Unit Rawatan Cemas di Hospital Langkawi pada Isnin selepas mengadu sesak nafas dan diterbangkan ke ibu negara keesokannya untuk rawatan lanjut di IJN.

IJN berkata, Dr. Mahathir menjalani pemeriksaan dan rawatan rutin dan terus menunjukkan kemajuan yang positif.

Beliau berkata, dengan tindak balas positif itu, ubatan dan rawatan yang diberikan kepada bekas Perdana Menteri itu dikurangkan secara beransur-ansur.

IJN menjangkakan Dr. Mahathir akan meneruskan dengan menjalani fisioterapi di bahagian dada dan melakukan senaman ringan dan akan terus ditempatkan di Unit Rawatan Koronari (CCU) untuk pemantauan dan rawatan selanjutnya.

- Bernama